

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU  
NAIDU [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan secara terperinci mengenai aktiviti pelancongan di negeri Perak dari segi jumlah pelancong dan keuntungan yang diperoleh. Apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menaik taraf dan memajukan destinasi atau pusat-pusat pelancongan di negeri Perak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada Survei Pelancongan Domestik yang telah dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Perak telah menerima seramai 7.56 juta pelancong domestik untuk tahun 2018 iaitu penurunan sebanyak 1.0% berbanding seramai 7.64 juta untuk tahun 2017. Manakala jumlah pendapatan pelancongan domestik bagi Negeri Perak juga mencatatkan penurunan sebanyak 4.1% iaitu RM 6.47 billion untuk tahun 2018 berbanding RM 6.74 billion untuk tahun 2017. Selain itu, lima (5) destinasi tumpuan utama pelancong domestik ke Perak pada tahun 2018 adalah di Pulau Pangkor, Teluk Intan, Taman Tasik Taiping, Tambun dan Lumut.

**NO. SOALAN : 9**

Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya juga telah memperuntukkan sebanyak RM 59.92 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi melaksanakan sebelas (11) projek pembangunan dan menaik taraf di Perak seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)
1	Pembangunan Rumah Lat dan Galeri Di Batu Gajah	5.0 juta
2	Pembangunan Ecotourism di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang	1.96 juta
3	Pembangunan Ecotourism Lata Tebing Tinggi, Selama	1.0 juta
4	Kerja-Kerja Baik Pulih dan Penstabilan Cerun Gua Tempurung	880 ribu
5	Pembaikan Kompleks Sejarah Pasir Salak	100 ribu
6	Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Pulau Sembilan	250 ribu
7	Projek Membina Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Perak	30.0 juta
8	Pengambilan Tanah Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong Di Bukit Bunuh Dan Bukit Jawa, Lenggong	12.41 juta
9	Menaiktaraf Tapak Arkeologi Paleolitik Kota Tampan (KT 1987), Lenggong	3.3 juta

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>KOS (RM)</b>
10	Naiktaraf Galeri Arkeologi Lembah Lenggong (Fasa 2)	5.0 juta
11	Naik Taraf Dewan Orang Ramai Homestay Klah	20 ribu
<b>JUMLAH</b>		<b>59.92 juta</b>

Kementerian sentiasa bekerjasama erat dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak dalam memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dinaiktaraf. Sehubungan itu, Kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat demi memajukan produk-produk pelancongan di Perak.

Bagi tujuan tersebut, Ahli Yang Berhormat disyor untuk mengemukakan sebarang cadangan dan membuat permohonan melalui UPEN Perak untuk diteliti berdasarkan keutamaan. Permohonan yang dikemukakan kepada UPEN Perak seterusnya akan diselaraskan oleh pihak Kementerian sebelum diperakukur untuk pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Sekian, terima kasih.